

11/08/2003

Kita akan terus perjuang keamanan

KUALA LUMPUR: Malaysia akan terus memainkan peranan penting dalam usaha mewujudkan keamanan sejagat dan menyuarakan pandangannya secara berprinsip, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia juga akan terus menawarkan bantuan, jika diminta, untuk membina keyakinan dan mencari penyelesaian di kawasan yang menghadapi konflik.

Katanya, bagi memastikan kejayaan Malaysia memainkan peranan itu di arena antarabangsa, kerajaan memerlukan sokongan berterusan daripada badan-badan bukan kerajaan.

Berucap menutup Persidangan Keamanan Dunia Kuala Lumpur di sini semalam, Abdullah berkata suara rakyat perlu diiktiraf sebagai penghalang berkesan sesuatu pertikaian, manakala bantahan masyarakat dunia terhadap peperangan wajar diteruskan.

"Kuasa rakyat mungkin telah gagal menghalang peperangan ke atas Iraq tetapi ia kini menuntut tanggungjawab beberapa kerajaan yang menyokong pencerobohan itu," katanya.

Persidangan dua hari anjuran Yayasan Keamanan Dunia Malaysia itu membincangkan program untuk mengatasi rintangan yang menghindari proses keamanan seperti konflik persaudaraan dan kaum, perlumbaan senjata, percambahan senjata pemusnah besar-besaran, ketidakadilan ekonomi, tiada toleransi beragama dan kesan buruk globalisasi.

Pada majlis itu, yaysan berkenaan turut memberi Anugerah Pencapaian Seumur Hidup kepada bekas presiden Czech, Vaclav Havel yang diwakili oleh Duta Besar Czech ke Malaysia, Dr Vitezlav Grepl.

Anugerah yang sama turut diberikan kepada Presiden Perancis, Jacques Chirac, ketika beliau mengadakan lawatan singkat ke Malaysia pada 22 Julai lalu.

Abdullah berkata, Malaysia mempunyai perkhidmatan diplomatik yang dihormati dan mempunyai pengalaman luas dalam penyelesaian konflik.

Katanya, kepelbagaian pengalaman rakyat negara ini yang berasal daripada tamadun besar Asia tetapi hidup penuh harmoni memberikan perspektif unik kepada Malaysia dalam diplomasi antarabangsa.

Pengalaman itu juga, katanya, membolehkan Malaysia memahami konflik antarabangsa daripada perspektif yang lebih luas.

Timbalan Perdana Menteri juga berkata, ketegasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyuarakan pandangannya terhadap serangan ke atas Iraq mencetuskan pelbagai gerakan keamanan di negara ini.

Katanya, Dr Mahathir bersuara dalam nada yang ingin dinyatakan oleh kebanyakan pemimpin dunia tetapi mereka tidak berani berbuat demikian. Malaysia, walaupun bukan kuasa besar, malah banyak bergantung kepada dagangan dan pelaburan Barat, terpaksa mempertaruhkan kepentingannya ketika membantah serangan itu.

"Banyak kepentingan yang dipertaruhkan apabila kita membantah serangan ke atas Iraq, tetapi adakah kita sanggup mengorbankan nyawa rakyat Iraq dan mengetepikan peraturan dunia semata-mata untuk menjaga hubungan baik dengan negara besar?"

"Rakyat Malaysia sepakat dalam hal ini. Walaupun tentangan Malaysia dan jutaan penduduk dunia gagal menyekat perang di Iraq, sejarah patut merekodkan bahawa itu bukan peperangan kita," katanya.

Malaysia di bawah Dr Mahathir juga dihormati oleh negara lain terutama dari dunia Islam dan negara Selatan. Keadaan itu meletakkan Malaysia dalam

kedudukan penting untuk memupuk keamanan di kalangan negara dan tamadun.

Sehubungan itu, katanya, sejarah wajar merekodkan keberanian yang ditunjukkan oleh Dr Mahathir dan rakyat Malaysia mempertahankan prinsip dan keadilan dalam peperangan di Iraq.